

PENGURUSAN KONFLIK DAN CIRI KEPIMPINAN
DI KALANGAN PENGAWAS SEKOLAH MENENGAH
NEGERI KEDAH

NORLIZA BINTI KUSHAIRI



114792

114792

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
NOVEMBER 1999

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik dan mengkaji hubungan ciri kepimpinan dengan gaya pengurusan konflik yang diamalkan oleh para pengawas di sekolah menengah di dalam daerah Kubang Pasu Kedah. Unit analisis adalah terdiri dari tujuh buah sekolah menengah dengan responden seramai 223 orang pengawas. Soalselidik untuk ciri kepimpinan dibina sendiri oleh penyelidik berasaskan kluster gaya kepimpinan autokratik, demokratik dan laissez-faire yang dikemukakan oleh para sarjana di bidang kepimpinan dan diubahsuai kepada kepimpinan berorientasikan tugas, berorientasikan hubungan dan pasif. Bagi gaya pengurusan konflik pula, penyelidik berpanduan kepada model Kilmann & Thomas (1974,1977,1978). Data diproses dengan menggunakan SPSS 7.5. Hipotesis telah diuji dengan menggunakan ujian-t dan ANOVA Satu Hala. Daripada pengujian hipotesis didapati bahawa bagi ciri-ciri demografi iaitu jantina, umur, bangsa, tempoh bertugas dan jawatan, kesemuanya tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap ciri kepimpinan. Sementara bagi gaya pengurusan konflik, hanya jantina yang menunjukkan perbezaan yang signifikan. Dapatan penting yang ditemui adalah kewujudan hubungan yang signifikan di antara ciri kepimpinan dan gaya pengurusan konflik pengawas. Secara lebih terperinci, didapati bahawa ciri kepimpinan berorientasikan hubungan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kelima-lima gaya pengurusan konflik. Dapatan ini memberi implikasi yang tersendiri kepada pihak sekolah atau mana-mana pihak yang berkenaan. Latihan kepimpinan yang berupaya meningkatkan kemahiran menguruskan konflik amat perlu bagi para pelajar amnya dan pengawas, khususnya. Konotasinya di sini adalah bahawa sudah tiba masanya peranan pengawas dimanfaatkan lagi dalam usaha menangani masalah disiplin pelajar yang semakin menular. Program serampang dua mata perlu diwujudkan dan didedahkan kepada para pengawas supaya kemahiran dalam menguruskan konflik interpersonal dan intrapersonal sekaligus dapat meningkatkan ciri kepimpinan mereka. Dapatan ini hanya boleh digeneralisasikan di sekolah-sekolah menengah Daerah Kubang Pasu tetapi rangka kerjanya boleh direplikasikan bagi kajian-kajian lanjutan.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 LATARBELAKANG

Institusi pendidikan merupakan satu organisasi sosial kompleks yang dibentuk oleh manusia dari pelbagai bangsa, budaya, sosioekonomi dan latarbelakang pendidikan. Penubuhan institusi pendidikan adalah untuk mencapai objektif pendidikan tertentu secara berterusan. Dalam usaha mencapai matlamat pendidikannya, ia dikaitkan dengan faktor persekitaran seperti ekonomi, politik, masyarakat dan dasar-dasar kerajaan. Menurut Ahmad Atory (1991), gerak kuasa dari alam sekitar seperti undang-undang, sosiobudaya, moral dan ekologi boleh memberi kesan kepada rekabentuk organisasi. Faktor-faktor alam persekitaran ini berhubung rapat dengan sesebuah institusi pendidikan kerana ia mempengaruhi input dan output organisasi tersebut.

Meyer & Scott (1983), Cohen, March & Olsen (1972) pula melihat organisasi sekolah sebagai anarki terancang (*organised anarchy*). Ada pula yang melihat sekolah sebagai *coping organization* kerana sering dihujani dengan pelbagai beban tugas dan adakalanya tugas ini bukan sesuatu yang terancang tetapi muncul daripada situasi yang tidak diduga (Wilson, 1989).

Sebagai sebuah institusi yang mengurus manusia dengan pelbagai corak latarbelakang, organisasi sekolah tidak boleh lari daripada fenomena kewujudan konflik. Menurut Knezevich (1975), fenomena kewujudan konflik tidak dapat dielakkan dalam semua organisasi yang kompleks yang berurusan secara terus dengan masyarakat. Organisasi sekolah tidak terkecuali dari dilanda konflik yang disebabkan oleh punca yang pelbagai. Beliau mengelaskan beberapa jenis konflik yang dikaitkan dengan organisasi sekolah termasuklah konflik matlamat, konflik peranan, konflik diri, konflik antara individu, konflik dalam organisasi, konflik antara organisasi dan konflik sosial.

Menurut pendapat Mary Pipher, seorang ahli psikologi dan pengarang terkenal, kita hidup di dalam budaya yang semakin runtuh dan komuniti yang tidak lagi wujud (Scherer, 1998). Untuk mewujudkan organisasi yang berkesan, kita mestilah mengenalpasti

kewujudan nilai-nilai budaya yang bertentangan dan mempelajari bagaimana untuk mengendalikan bantahan.

Oleh itu, kemanusiaan yang semakin hilang dalam masyarakat harus dikembalikan, disuburkan dan dibajai. (Jaafar,1996)

1.1 LATARBELAKANG MASALAH

Sekolah merupakan institusi bagi melahirkan insan bergelar cendekiawan mahupun pemimpin. Bagi seorang kanak-kanak yang baru mengenali alam persekolahan, proses pembelajaran mereka samada formal atau informal, sebahagian besarnya berlaku di sekolah. Tambahan pula dengan sistem pendidikan yang kita miliki hari ini, menuntut masa yang banyak dari seorang pelajar untuk berada di sekolah. Maka secara tidak langsung, proses pembelajaran tentang kehidupan dan persekitaran diperolehi melalui pergaulan harian dengan rakan sebaya di sekolah. Antara sedar atau tidak, kemahiran hidup seperti komunikasi, penyelesaian masalah dan sebagainya diperolehi melalui pergaulan dengan rakan, dan melalui pengalaman inilah, bakat kepimpinan, sifat tanggungjawab, kemahiran komunikasi dan interpersonal dilatih dan dididik dalam diri pelajar. Inilah perkara yang lumrah berlaku ke atas setiap manusia yang normal. Sepertimana sabda Nabi Muhammad s.a.w bahawa setiap manusia adalah merupakan pemimpin (khalifah), baik kepada